dengan disambut dengan jamuan teh dan seumpamanya mereka itu jangan kita lupakan oleh kerana kita sebagai orang Islam diwajibkan menghampiri dan melawat saudara-saudara kita yang keadaannya seumpama yang tersebut di atas.

Lawatan daripada penganjur-penganjur dan daripada pertubuhan-pertubuhan Islam seumpama itu adalah sangat perlu oleh kerana di dalam masa mereka melawat itu barangkali ada hal-hal yang patut mendapat perhatian pihak pertadbiran di tempat-tempat itu dan kalau pun tidak dengan kerana itu adalah ia akan menggalak dan mentenangkan hati mereka itu sabar menahan penyakit yang dihidapi oleh mereka. Banyak lagi faedah-faedah yang didapati daripada lawatan itu yang di antaranya menjadikan mereka terasa bahawa mereka ada mempunyai saudara yang hamper kepada mereka.

Kita berharap hal-hal yang demikian ini menjadi perhatian yang utama bagi pertubuhan-pertubuhan Islam dan mengadakan rancangan-rancangan tidak hanya sebagai rancangan-rancangan yang biasa tinggal di dalam rancangan jua tetap hendaklah di amalkan dengan amalan-amalan yang tulen. Mudah-mudahan hal saudara-saudara kita yang seumpama ini mendapat perhatian yang utama daripada orang-orang kita Islam adanya.

Harga Langganan Qalam

Setahun	$7.20
6 Bulan	$3.60

Langganan Tiga Bulan Tidak diterima

BUKTI YANG NYATA

Di bawah ini ialah surat yang dihantar oleh Jabatan Penerangan Agama Bandar Jakarta Raya yang di dalamnya menunjukkan bahawa pemeluk-pemeluk Islam di kampung-kampung dan di daerah-daerah bandar itu umumnya menyukai huruf Jawi dan agak benci dengan huruf Latin yang ada sekarang. Ini adalah keterangan yang nyata bahawa di Indonesia huruf Jawi itu belum lagi mati sebagaimana yang telah ditulah oleh mereka itu.

KANTOR URUSAN AGAMA KOTA PRAJA
DJAKARTA-RAYA
[redacted]
Djalan Pintu Air 1 . Djakarta

Djakarta, 30 Desember 19[illegible] 2

KEPADA

No.: Nota.
Lampiran:
Hal:

Jth. Tuan Redaksi madjallah "QALAM"
356 Geylang Road, Singapura 14

M A L A Y A

Assalamualaikum w.w.

Terlebih dulu kami dari seksi/Publikasi K.U.A. Kotapradja Djakarta Raya, memintak diperbanjak maaf oleh karena ketelatan mengirim surat ini.

Sebenarnja telah lama kami hendak mengirimkan surat sebagai memberi tahukan bahwa kami berniat hendak mentjangkok karangan bapak HAMKA jang ada dalam madjallah QALAM no. 19 Djumadil-Awal-Februari 1952, jang berkepala kepada sahabat-2ku di Semenandjung, jang isinja ialah mempertahankan huruf Djawi di kepulauan Nusantara, lebih-2 di Malaja, maka di Indonesia sendiri, kami merasa bahwa huruf Djawi itu, memang tidak dapat dikesampingkan sadja. Ternjata bahwa kebanjakan pemeluk-2 Islam di duduk2 dan di daerah-2 di Kotapradja Djakarta Raya, umumnja menjukai huruf djawi dan agak bentji dengan dengan huruf latin jang ada sekarang.

Oleh karena demikian , untuk tersiarnja semua pendidikan -2 jang berbau Islam, kami merasa ada baiknja artikel itu, disampaikan djuga dalam kalangan masjarakat ramai, terutama kepada mereka jang memegang pendidikan di Indonesia pada hari ini.

Maka tjukuplah agaknja, dan tidaklah akan memberi kekesalan kepada tuan redaksi, djika kami telah mengutip isi dari karangan beliau tsb.

Labih dulu, kami aturkan terima kasih !

Wassalam kami
Kantor Penerangan Agama Kotapradja
Djakarta Raya.-
Kepala bag.publikasi
(Pacharuddin Ilias)

Tembusan dikirim
kepada bp.HAMKA.
di Djakarta.-

(sambungan dari muka 6)

Ada pun menegakkan sembahyang dan menurutkan syahwat adalah dua sifat yang terletak di atas daun timbangan, apabila berat sebelah, bermakna ringan yang sebelah lagi. Jelasnya apabila sembahyang dipercuaikan maka akan terdoronglah ia menurutkan syahwat demikian juga akasnya.

Dengan ini nyatalah bahawa orang-orang Islam yang hanya hidup dengan kulit Islam sahaja, adalah hidupnya ialah hidup yang rugi serugi-ruginya di dunia ini.

Diri sendiri rugi dan masyarakatnya rugi juga kerana yang menjadi panduan hidupnya ialah menurutkan syahwat nafsu, tamak dan lupa yang tidak menentukan haram atau halal lagi.

Nyata sekali bahawa Islam di tangan mereka itu adalah sebagai "barang lama" yang takkan dapat dijual di mana-mana selama Islam berada di tangan mereka ini, maka selama itulah pula sinar dan cahayanya tertutup dan tak dapat menyinari masyarakat umumnya.

Sebab-sebab terjadinya demikian ialah kerana kebanyakan kaum Muslimin tidak sengaja berniat beragamakan Islam dari hati kecil dan tidak tulis ikhlas. Hanya yang ada beragama ialah kerana terdorong disebabkan keturunan dan pergaulan. Di sinilah letaknya keselamatan itu.

Inilah yang menjadikan mereka tiada nafsu, tiada keinginan menyelami lebih dalam mutiara Islam itu, tiada keinginan mempelajari lebih tinggi akan tujuan dan inti sari ajaran Islam, tiada keinginan mengupas sampai mencapai isi sarinya itu.

Oleh kerana mereka tidak inginkan isinya maka mereka hanya menerima kulitnya. Oleh kerana mereka tak mahu menyelami mutiaranya, maka mereka hanya mendapat lukanya. oleh kerana mereka tidak berhajat mendaki kemuncaknya, maka mereka hanya tiba dipangkal tangganya.

****

Kita sekarang sedang menghadapi lawan yang kuat dan teratur. Kewangan mereka mengalir dari segenap bingka. Di Amerika dan Eropah, yang menyarai dan menjamin segala jenis usaha yang mereka lancarkan sekarang. Sekiranya kita tidak berhati-hati dengan bersungguh-sungguh tentang soalan ini maka akibatnya kita akan kecewa akhirnya dan tidak dapat mencapai kemenangan yang di cita-citakan itu.

Alim ulama yang hanya dapat membaca kitab, mahu tak mahu akan terdesak ke tepi.

Alim ulama yang tidak mempunyai apa-apa rancangan akan patah di tengah.

Tahun 1950 Indonesia sudah merdeka.

Tahun 1950 Islam Indonesia telah menerima paluan yang sehebat-hebatnya.

Islam ini terserah ke tangan kaum Muslimin yang telah jatuh miskin, disebabkan harta bendanya telah musnah di bakar Belanda dan wang telah habis diberikan kerana menyokong perjuangan negaranya. Menjamin makan pemerintah darurat dan tentera gerilanya.

Setelah kemenangan tercapai Indonesia lepas bebas dari pergolakan, maka kelihatan Islam letih lesu, baju compang camping, badan kurus, harta habis, rumah terbakar dan menghadapi perlumbaan dengan lain2 agama sihat dan segar bugar.

Kepada siapakah kita meminta pertolongan?

Kepada "pemerintah?"

"Tidak mungkin"

Pemerintah kita dalam masa sepuluh tahun akan tetap Bersifat nasional. Sebab alat-alat pemerintah sekarang ialah orang-orang yang berpendidikan barat.

Jika dia tidak mendorong pengkristianan umat Islam, maka sikapnya itu pun adalah menjadi seribu rahmat dan kita ucapkan syukur berbanyak-banyak.

Sudirman meninggal, hingga sekarang belum pernah nampak yang bakal dapat menggantikannya.

Maka ternyatalah nasib umat Islam sekarang ini, adalah

Sebagai keadaan kaum Muslimin yang di pimpin oleh Tariq bin Ziyad di Sepanyol. Yang telah memberi semangat dengan ucapannya yang bersejarah itu, ujarnya:

"*Ayyuhā al-nās! Ain al-Mufar?al-Adwa imāmakum wal-baḥr warāìkum"*

"Saudara-saudara! Ke manakah hendak melarikan diri? Musuh ada di hadapan kamu dan laut ada di belakang kamu".

****

Jika sekiranya di alam yang luas ini kita dapati matahari yang memberi panas dan kehidupan kepada bumi, maka pada jisim manusia pun ada juga mataharinya.

Matahari yang panas dan bersinar-sinar di dalam dada manusia ialah jantungnya. Jika jantung itu dingin maka dia mati.

Jika matahari mati maka dunia beku. Jika jantung dingin maka tubuh manusia ini mati.

Kita sekarang walaupun hidup tetapi kerana jantung kita tidak bergerak dan dingin maka dia dalam hukum mati; mati kemahuan, mati semangat, mati perasaan. Panas yang dimaksudkan di sini, bukan panas sebagai api, tetapi panas semangat. Panas kemahuan. Panas perasaan menghadapi penghinaan Islam.

"Panas perasaan membela kepentingan-kepentingan agama"

Apabila perasaan panas bagi membela agama, telah hilang daripada kaum Muslimin, maka dengan sendirinya agama itu akan tenggelam dan hilang lenyap.

Yang demikian jelaslah bahawa kehidupan agama Islam itu tergantung kepada panas jantung yang akan membelanya yakni kaum Muslimin. Inilah yang menimbulkan perasaan:

Agama dihina, dia tak mahu.

Agama kurus, dia tak mahu.

Agama rebah, dia tak mahu

Lalu terbit sifat "*Har al-Domiz*"- merdeka jiwa Dan merdeka perasaan.

Cahaya matahari di alam yang luas ini ialah sebagai cahaya jantung pada manusia. Bagi meneruskan sinarnya kea lam sekelilingnya itu, maka panas di dada manusia perlu mempunyai peraturan yang tepat dan nyata dan mempunyai pedoman yang tegas yang tak boleh salah sedikit jua pun.

Peraturan ini tidak boleh sekali-sekali dicampuri dengan perbuatan-perbuatan yang batil iaitu peraturan yang telah dijamin oleh Allah Rabb al-'Alamīn:

Ertinya: "takkan dimasuki kebatilan baik dari hadapan atau pun dari belakangnya. Adalah diturunkan daripada Tuhan yang bijaksana lagi terpuji".

Di manakah matahari yang terang bersinar sendiri yang tidak pernah dimasuki kebatilan dari hadapan dan dari belakangnya? Matahari itu ialah Al-Quran.

Oleh itu jika kita tidak menghidupkan cahaya dalam jantung kita itu. Ia harus disinari dengan cahaya dari sinar yang asli yang tidak dicampur dengan kebatilan iaitu sinar Al-Quran.

Dari manakah kita ambil tenaga jihad? Sinar Quran hendaklah kita terima. Dan kita pancarkan melalui saringan otak dan akal kita, lalu diterima menjadi yakin dan azam yang tetap di dalam jantung.

Setelah ditimbang dengan otak, maka jelaslah hanya dengan "jihad" lah, kita akan dapat meninggikan agama kita.

Tetapi apakah yang membuahkan jihad itu? Adakah dapat dibuahkan oleh cahaya keinginan? Adakah dapat dibuahkan oleh cahaya cita2? Adakah dapat dibuahkan dengan azam?

Tidak! Tidak! Yang membuahkan dia ialah Al-Quran.

*

Sebuah risalah yang bernama "*Berjihad kerana Allah*" oleh "Abu al-'Alā al-Maududī" seorang jaguh Islam Pakistan yang kebilangan pada hari ini, akan dikeluarkan tidak lama lagi oleh penerbitan "Qalam".